- (b) Hitung indeks gubahan bagi kos penghasilan keropok ikan itu pada tahun 2020 berasaskan tahun 2018. Seterusnya, hitung kos penghasilan keropok ikan itu pada tahun yang sepadan bagi tahun 2020 jika kos penghasilan pada tahun 2018 ialah RM10.60.
Calculate the composite index for the production cost of the fish crackers in the year 2020 based on the year 2018. Then, calculate the production cost of the fish crackers on the corresponding year in 2020 if the production cost in 2018 is RM10.60. [5 markah/marks]
- (c) Kos penghasilan keropok ikan itu dijangka meningkat sebanyak 25% dari tahun 2020 ke tahun 2022. Cari indeks gubahan kos penghasilan keropok ikan itu yang dijangkakan pada tahun 2022 berasaskan tahun 2020.
The production cost of the fish crackers is expected to increase by 25% from 2020 to 2022. Find the composite index for the production cost of the fish crackers in the year 2022 based on the year 2020. [2 markah/marks]

Jawapan/*Answer*:

4 Jadual di bawah menunjukkan indeks harga dan peratus penggunaan empat bahan utama yang digunakan untuk sebiji kek keju.

The table below shows the price indices and the percentage of usage for four main ingredients used in making a cheese cake.

Bahan Ingredient	Indeks harga pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2018 Price indices in the year 2021 based on the year 2018	Pemberat Weightage
Telur Egg	105	5
Krim keju Cream cheese	110	10
Krim putar Whipping cream	x	5
Gula kastor Castor sugar	110	3

(a) Hitung

Calculate

- (i) harga krim keju pada tahun 2021 jika harganya pada tahun 2018 ialah RM18,
the price of the cream cheese in 2021 if its price in 2018 is RM18,
- (ii) indeks harga telur pada tahun 2018 berdasarkan tahun 2016 jika indeks harganya pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2016 ialah 120.
the price index for the eggs in the year 2018 based on the year 2016 if the price index in the year 2021 based on the year 2016 is 120.

[4 markah/marks]

(b) Indeks gubahan kos penghasilan kek keju itu pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2018 ialah 125. Hitung
The composite index for the production cost of the cheese cake in the year 2021 based on the year 2018 is 125.
Calculate

- (i) nilai x ,
the value of x ,
- (ii) harga sebiji kek itu pada tahun 2018 jika harga yang sepadan pada tahun 2021 ialah RM90.
the price of the cake in the year 2018 if the corresponding price in the year 2021 is RM90.

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 5 Sekeping kad ucapan dibuat dengan menggunakan empat bahan, P , Q , R dan S . Jadual di bawah menunjukkan harga bahan-bahan tersebut.

A wish card is made up of four materials P , Q , R and S . The table below shows the price of the materials.

Bahan Material	Harga (RM) Price (RM)	
	2019	2021
P	a	4.00
Q	3.00	3.30
R	b	c
S	2.50	4.00

- (a) Nombor indeks bagi bahan P pada tahun 2021 berasaskan tahun 2019 ialah 125. Hitung nilai a .
The index number for material P in the year 2021 based on the year 2019 is 125. Calculate the value of a . [2 markah/marks]
- (b) Nombor indeks bagi bahan R pada tahun 2021 berasaskan tahun 2019 ialah 125. Harga bahan R pada tahun 2021 adalah RM0.50 lebih daripada harganya yang sepadan dalam tahun 2019. Hitung nilai b dan nilai c .
The index number for material R in the year 2021 based on the year 2019 is 125. The price of material R in the year 2021 is RM0.50 more than the corresponding price in 2019. Calculate the value of b and of c . [3 markah/marks]
- (c) Indeks gubahan kos penghasilan kad ucapan itu pada tahun 2021 berasaskan tahun 2019 ialah 128.7.
The composite index for the production cost of the wish card in the year 2021 based on the year 2019 is 128.7.
Hitung
Calculate
- (i) harga kad ucapan itu pada tahun 2019 jika harganya yang sepadan pada tahun 2021 ialah RM11.20,
the price of the wish card in the year 2019 if the corresponding price in the year 2021 is RM11.20,
- (ii) nilai h jika kuantiti bahan-bahan P , Q , R dan S yang digunakan adalah mengikut nisbah $6 : 2 : h : 3$. Beri jawapan dalam integer.
the value of h if the quantity of materials P , Q , R and S used is in the ratio $6 : 2 : h : 3$. Give the answer in integer. [5 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 6 Jadual di bawah menunjukkan indeks harga bagi tiga bahan, P , Q dan R yang digunakan dalam penghasilan sejenis beg.

The table below shows the price indices for three materials P , Q and R used in the production of a type of bag.

Bahan Material	Indeks harga pada tahun 2017 berasaskan tahun 2015 <i>Price indices in the year 2017 based on the year 2015</i>	Indeks harga pada tahun 2020 berasaskan tahun 2015 <i>Price indices in the year 2020 based on the year 2015</i>
P	108	120
Q	125	135
R	117	x

- (a) Cari indeks harga bagi bahan P pada tahun 2020 berasaskan tahun 2017.
Find the price index for material P in the year 2020 based on the year 2017. [2 markah/marks]
- (b) Harga bahan R pada tahun 2015 ialah RM22 dan harganya pada tahun 2020 ialah RM28.60. Cari
The price of material R in the year 2015 is RM22 and the price in the year 2020 is RM28.60. Find
(i) nilai x ,
the value of x ,
(ii) harga bahan R pada tahun 2017.
the price of material R in the year 2017. [4 markah/marks]
- (c) Indeks gubahan untuk kos pengeluaran beg itu pada tahun 2017 berasaskan tahun 2015 ialah 119.2.
Kos bahan-bahan P , Q dan R yang digunakan adalah mengikut nisbah $2 : k : 3$. Cari nilai k .
The composite index for the production cost of the bag in the year 2017 based on the year 2015 is 119.2. The cost of materials P , Q and R used is by the ratio $2 : k : 3$. Find the value of k . [2 markah/marks]
- (d) Diberi harga beg itu pada tahun 2017 ialah RM59.60. Cari harga yang sepadan bagi beg itu pada tahun 2015.
Given the price of the bag in the year 2017 is RM59.60. Find the corresponding price of the bag in the year 2015. [2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 7 Jadual di bawah menunjukkan harga dan pemberat bagi empat jenis makanan yang dijual di sebuah bakeri.
The table below shows the prices and the weightages for four types of food sold in a bakery.

Makanan Food	Harga (RM) Price (RM)		Pemberat Weightage
	2019	2021	
Biskut Biscuit	2.50	3.00	3
Kek Cake	3.00	3.60	2
Donat Donut	1.50	2.40	1
Sandwic Sandwich	2.00	3.50	4

- (a) Hitung

Calculate

- (i) indeks harga bagi setiap jenis makanan pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2019.
price index for each type of food in the year 2021 based on the year 2019. [3 markah/marks]
- (ii) indeks gubahan bagi harga makanan di bakeri itu pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2019.
the composite index for the price of food at the bakery in the year 2021 based on the year 2019. [3 markah/marks]
- (iii) harga makanan yang dijual di bakeri itu pada tahun 2021 jika harganya yang sepadan pada tahun 2019 ialah RM94.00.
the price of the food sold at the bakery in the year 2021 if the corresponding price for the year 2019 was RM94.00. [2 markah/marks]
- (b) Harga bagi empat jenis makanan itu telah bertambah sebanyak 15% dari tahun 2021 hingga tahun 2022. Cari indeks gubahan bagi harga makanan di bakeri pada tahun 2022 dengan menggunakan tahun 2019 sebagai tahun asas.
The price for the four types of food increases by 15% from the year 2021 to the year 2022. Find the composite index for the price of food at the bakery for the year 2022 by using the year 2019 as the base year. [2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 8 Jadual di bawah menunjukkan indeks harga, perubahan indeks harga dan pemberat bagi empat bahan *A*, *B*, *C* dan *D* yang merupakan bahan-bahan utama yang digunakan dalam pembuatan suatu syampu rambut. *The table below shows the price indices, changes in price indices and weightages of four items A, B, C and D, which are the main items used in the production of a bottle of hair shampoo.*

Bahan Item	Indeks harga pada tahun 2023 berasaskan tahun 2021 <i>Price index for the year 2023 based on the year 2021</i>	Perubahan indeks harga dari tahun 2023 ke tahun 2025 <i>Changes in price indices from the year 2023 to the year 2025</i>	Pemberat Weightages
<i>A</i>	115	Menokok 10% 10% increase	4
<i>B</i>	150	Tidak berubah No change	1
<i>C</i>	<i>x</i>	Menokok 20% 20% increase	2
<i>D</i>	140	Menyusut 10% 10% decrease	3

- (a) Hitung
Calculate
- (i) harga bahan *A* pada tahun 2021 jika harganya pada tahun 2023 ialah RM8.05,
the price of item A in the year 2021 if its price in the year 2023 is RM8.05,
- (ii) harga bahan *D* pada tahun 2023 jika harganya pada tahun 2021 ialah RM4.50.
the price of item D in the year 2023 if its price in the year 2021 is RM4.50.
- [3 markah/marks]
- (b) Indeks gubahan bagi kos membuat syampu rambut pada tahun 2023 berasaskan tahun 2021 ialah 127.
Hitung nilai *x*.
The composite index for the cost of making a bottle of hair shampoo in the year 2023 based on the year 2021 is 127. Calculate the value of x.
- [2 markah/marks]
- (c) Seterusnya, hitung indeks gubahan bagi kos membuat satu botol syampu rambut pada tahun 2025 berasaskan tahun 2021.
Hence, calculate the composite index for the cost of making a bottle of hair shampoo in the year 2025 based on the year 2021.
- [3 markah/marks]
- (d) Hitung kos membuat satu botol syampu rambut pada tahun 2025 jika kos sepadan pada tahun 2021 ialah RM25.00.
Calculate the cost of making a bottle of hair shampoo in the year 2025 if the corresponding cost in the year 2021 is RM25.00
- [2 markah/marks]

Jawapan/*Answer*:

Kertas Model Tingkatan 4

KERTAS 1

Bahagian A Section A

[64 markah]
[64 marks]


Jawab **semua** soalan.
Answer all questions.

- 1 Diberi bahawa satu persamaan tak linear, $y = pe^{qx}$ boleh ditukarkan kepada persamaan linear $Y = mX + c$.
It is given that a non-linear equation, $y = pe^{qx}$ can be converted to a linear equation $Y = mX + c$.
- (a) Tukarkan persamaan tak linear tersebut kepada persamaan linear.
Convert the non-linear equation to the linear equation.
- (b) Seterusnya, kenalpasti Y , X , kecerunan dan pintasan- Y .
Hence, identify Y , X , gradient and Y -intercept.

[2 markah/marks]

Jawapan/*Answer:*

- 2 Rajah 1 menunjukkan sebahagian graf garis lurus yang diperolehi dengan memplot xy melawan x .
Diagram 1 shows part of a straight line graph obtained by plotting xy against x .



Rajah 1 / Diagram 1

- (a) Ungkapkan y dalam sebutan x .
Express y in terms of x .

[2 markah/marks]

- (b) Pada Rajah 2 di ruang jawapan, lukis dan label satu graf garis lurus yang diperolehi dengan memplot y melawan $\frac{1}{x}$.


On Diagram 2 in the answer space, draw and label the straight line graph obtained by plotting y against $\frac{1}{x}$.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- (a)

- (b)



Rajah 2 / Diagram 2

- 3 (a) Diberi f , g dan h masing-masing ialah sebutan ke-3, ke-5 dan ke-7 bagi suatu jangjang aritmetik.

Jika $\frac{f+g+h}{g+1} = 4$, tentukan nilai g .

Given that f , g and h are the 3rd term, the 5th term and the 7th term of an arithmetic progression respectively.

If $\frac{f+g+h}{g+1} = 4$, determine the value of g .

[3 markah/marks]

- (b) Diberi siri suatu jangjang geometri $5 + 5^2 + 5^3 + \dots + 5^n = 3\,905$.

Tentukan bilangan sebutan siri itu.

Given that the series of a geometric progression $5 + 5^2 + 5^3 + \dots + 5^n = 3\,905$.

Determine the number of terms of the series.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

4 Suatu garis lurus $4x = 3y + 24$ memotong paksi- x di titik L dan paksi- y di titik M .

A straight line $4x = 3y + 24$ cuts the x -axis at point L and y -axis at point M .

Cari

Find

(a) kecerunan garis lurus itu,
the gradient of the straight line,

[1 markah/mark]

(b) persamaan pembahagi dua sama seranjang garis lurus itu.
the equation of the perpendicular bisector of the straight line.


[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 5 (a) Selesaikan persamaan kuadratik $2x(x + 3) = (2 - x)(x + 2)$ dengan menggunakan kaedah penyempurnaan kuasa dua. Tulis jawapan anda betul kepada tiga tempat perpuluhan.
Solve the quadratic equation $2x(x + 3) = (2 - x)(x + 2)$ by using completing the square method. Give your answer correct to three decimal places.
- [3 markah/marks]
- (b) Lengkung fungsi kuadratik $f(x) = (x - q)^2 + 2p$ menyilang paksi- x pada titik-titik $(-1, 0)$ dan $(5, 0)$. Garis lurus $y = -9$ adalah tangen kepada lengkung di titik minimum lengkung itu.
The curve of a quadratic function $f(x) = (x - q)^2 + 2p$ intersects the x -axis at points $(-1, 0)$ and $(5, 0)$. The straight line $y = -9$ is the tangent to the curve at the minimum point of the curve.
- (i) Cari nilai p dan nilai q .
Find the value of p and of q .
- (ii) Tulis persamaan bagi lengkung itu dalam bentuk verteks, jika graf itu dipantulkan pada paksi- x .
Write the equation of the curve in the vertex form, if the graph is reflected about the x -axis.
- [4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 6 (a) Rajah 3 menunjukkan pemetaan bagi fungsi f dengan keadaan m ialah pemalar.
 Diagram 3 shows the mapping of function f such that m is a constant.



Rajah 3 / Diagram 3

- (i) Cari nilai m .
 Find the value of m .
- (ii) Nyatakan objek yang tidak mempunyai imej.
 State the object which has no image.
- (b) Diberi bahawa $f(x + 5) = g(2x - 1)$, cari $g^{-1}(x)$ dalam sebutan $f^{-1}(x)$.
 Given that $f(x + 5) = g(2x - 1)$, find $g^{-1}(x)$ in terms of $f^{-1}(x)$.

[2 markah/marks]

[1 markah/mark]

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 7 (a) Diberi bahawa vektor $\overrightarrow{PM} = 4\hat{x} + (h + 2)\hat{y}$. Jika \overrightarrow{PM} dipanjangkan kepada titik X dengan keadaan $\overrightarrow{MX} = \hat{x} + g\hat{y}$. Ungkapkan h dalam sebutan g .

It is given that vector $\overrightarrow{PM} = 4\hat{x} + (h + 2)\hat{y}$. If \overrightarrow{PM} is extended to point X such that $\overrightarrow{MX} = \hat{x} + g\hat{y}$. Express h in terms of g .

[3 markah/marks]

- (b) Angin bergerak dengan halaju 8 km j^{-1} menghala ke utara. Sebuah layang-layang bergerak ke arah barat dengan halaju 16 km j^{-1} . Hitung laju layang-layang yang sebenar dan arah gerakannya.


The air current is flowing at a velocity of 8 km h^{-1} due north. A kite is steered heading west at a velocity of 16 km h^{-1} . Find the actual speed and direction of the movement of the kite.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 8 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.
Solution by scale drawing is not accepted.

Rajah 4 menunjukkan dua garis lurus ABC dan MCN .
Diagram 4 shows two straight lines ABC and MCN .



Rajah 4 / Diagram 4

Diberi $AB : BC = 2 : 3$, cari
Given that $AB : BC = 2 : 3$, find

(a) koordinat C,
the coordinates of C,

[3 markah/marks]

(b) persamaan MCN .
the equation of MCN .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:


- 9 (a) Permudahkan $\frac{\sqrt{5} + 3}{\sqrt{5} - 2}$. Berikan jawapan dalam bentuk $a + b\sqrt{c}$, dengan keadaan a , b dan c ialah integer.

Simplify $\frac{\sqrt{5} + 3}{\sqrt{5} - 2}$. Give the answer in the form $a + b\sqrt{c}$, such that a , b and c are integers.

[2 markah/marks]

- (b) Rajah 5 menunjukkan sebuah segi empat tepat $ABCD$ dan sebuah segi empat sama $ACEF$.

Diagram 5 shows a rectangle $ABCD$ and a square $ACEF$.



Rajah 5 / Diagram 5

Diberi $AB = (\sqrt{5} + 1)$ cm dan perimeter segi empat tepat $ABCD$ ialah $6\sqrt{5}$. Tulis luas segi empat sama $ACEF$ dalam bentuk $(a + b\sqrt{5})$ cm², dengan keadaan a , b dan c ialah integer.

Given $AB = (\sqrt{5} + 1)$ cm and the perimeter of rectangle $ABCD$ is $6\sqrt{5}$. Write the area of square $ACEF$ in the form $(a + b\sqrt{5})$ cm², such that a , b and c are integers.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

10 (a) Diberi bahawa $x = 3^a$ dan $y = 9^b$, ungkapkan $\log_9 \frac{\sqrt{y}}{81x^2}$ dalam sebutan a dan b .

It is given that $x = 3^a$ and $y = 9^b$, express $\log_9 \frac{\sqrt{y}}{81x^2}$ in terms of a and b .

[4 markah/marks]

(b) Diberi bahawa $x^2 + 4y^2 = 5xy$, tunjukkan $\log(x - 2y) = \frac{1}{2}(\log x + \log y)$.

It is given that $x^2 + 4y^2 = 5xy$, show that $\log(x - 2y) = \frac{1}{2}(\log x + \log y)$.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

11 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.

Solution by scale drawing is not accepted.

Diberi bahawa $\overrightarrow{AB} = -5\underline{i} + \underline{j}$ dan $\overrightarrow{AC} = -\underline{i} - 4\underline{j}$.

It is given that $\overrightarrow{AB} = -5\underline{i} + \underline{j}$ and $\overrightarrow{AC} = -\underline{i} - 4\underline{j}$.

(a) Cari

Find

(i) \overrightarrow{BC} ,

(ii) vektor unit dalam arah \overrightarrow{BC} .
the unit vector in the direction of \overrightarrow{BC} .

[4 markah/marks]

(b) Diberi $\overrightarrow{AD} = \underline{i} - 18\underline{j}$, dengan keadaan p ialah pemalar dan \overrightarrow{AD} adalah selari dengan \overrightarrow{BC} . Cari nilai p .

Given $\overrightarrow{AD} = \underline{i} - 18\underline{j}$, such that p is a constant and \overrightarrow{AD} is parallel to \overrightarrow{BC} . Find the value of p .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

12 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.

Solution by scale drawing is not accepted.

Diberi satu sisi empat $PQRS$ dengan keadaan persamaan garis lurus RS ialah $x = 3$ dan persamaan garis lurus PS ialah $5y = 2x - 21$. Titik T bergerak dengan keadaan jaraknya dari titik S sentiasa 5 unit. Cari persamaan lokus bagi T .

Given a quadrilateral $PQRS$ such that the equation of the straight line RS is $x = 3$ and the equation of the straight line PS is $5y = 2x - 21$. Find the equation of locus T .

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Bahagian B
Section B

[16 markah]
[16 marks]

Jawab mana-mana **dua** soalan.
Answer any two questions.

13 (a) Diberi bahawa $f^{-1}(x) = 3x + 2$.

It is given that $f^{-1}(x) = 3x + 2$.

Cari

Find

(i) $f(x)$,

(ii) nilai m jika $f^{-1}(m) = f(1)$,

value of m if $f^{-1}(m) = f(1)$,

(iii) ungkapan p dalam sebutan x jika $f^{-1}(p) = f^2(x)$.

the expression for p in terms of x if $f^{-1}(p) = f^2(x)$.

[5 markah/marks]

(b) Diberi bahawa $f(x) = 3x - 1$ dan $gf(x) = 6x - 9x^2$. Cari $g(x)$.

It is given that $f(x) = 3x - 1$ and $gf(x) = 6x - 9x^2$. Find $g(x)$.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

14 Diberi bahawa 3, 9, 15, ... ialah suatu jangjang aritmetik.

It is given that 3, 9, 15, ... is an arithmetic progression.

(a) Cari hasil tambah $(n + 2)$ sebutan pertama bagi jangjang aritmetik itu dalam sebutan n .

Find the sum of the first $(n + 2)$ terms of the arithmetic progression in terms of n .

[3 markah/marks]

(b) Seterusnya, cari nilai n jika beza antara hasil tambah $(n + 2)$ sebutan pertama dengan hasil tambah n sebutan pertama adalah 72.

Hence, find the value of n if the difference between the sum of the first $(n + 2)$ terms and the sum of the first n term is 72.

[3 markah/marks]

(c) Berdasarkan jawapan di **10(b)**, tentukan hasil tambah $(n + 2)$ sebutan pertama bagi jangjang aritmetik itu.

*Based on the answer in **10(b)**, determine the sum of the first $(n + 2)$ terms of the arithmetic progression.*

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 15 (a) Diberi bahawa persamaan kuadratik $x^2 + 5m - 2 = 2m(m - x)$ dengan keadaan m ialah pemalar mempunyai punca-punca α dan β .

It is given that the quadratic equation $x^2 + 5m - 2 = 2m(m - x)$ such that m is a constant has roots α and β .

- (i) Nyatakan $\alpha + \beta$ dan $\alpha\beta$ dalam sebutan m .

State $\alpha + \beta$ and $\alpha\beta$ in terms of m .

- (ii) Ungkapkan x dalam sebutan m .

Express x in terms of m .

[4 markah/marks]

- (b) Diberi garis lurus $y = k + 1$ tidak bersilang dengan lengkung $2x^2 + xy = -2$.

Cari julat nilai-nilai bagi k .

Given the straight line $y = k + 1$ does not intersect the curve $2x^2 + xy = -2$.

Find the range of values of k .

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Bahagian A
Section A
[40 markah/marks]

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.
*Answer **all** questions in this section.*

1 Diberi bahawa $f: x \rightarrow |x - 5|$ dan $g: x \rightarrow 7 - 3x$.

It is given that $f: x \rightarrow |x - 5|$ and $g: x \rightarrow 7 - 3x$.

(a) Tentukan $gf(x)$. Seterusnya, cari nilai $gf(3)$.

Determine $gf(x)$. Hence, find the value of $gf(3)$.

[3 markah/marks]

(b) Lakar graf $f(x)$ untuk domain $-1 \leq x \leq 6$. Seterusnya, nyatakan julat bagi $f(x)$.

Sketch the graph of $f(x)$ for the domain $-1 \leq x \leq 6$. Hence, state the range of $f(x)$.

[4 markah/marks]


Jawapan/Answer:

2 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.

Solutions by scale drawing is not accepted.

Rajah 1 menunjukkan dua garis lurus PQ dan RS . Persamaan garis lurus RS ialah $2y = 3x - 4$.

Diagram 1 shows two straight lines PQ and RS . The equation of straight line RS is $2y = 3x - 4$.



Rajah 1 / Diagram 1

(a) Cari
Find

- (i) persamaan garis lurus PQ dalam bentuk am,
the equation of the straight line PQ in standard form,
- (ii) koordinat Q .
the coordinates of Q .

[5 markah/marks]

(b) Garis lurus PQ dipanjangkan ke titik T , dengan keadaan $PQ : QT = 2 : 3$. Cari koordinat T .

The straight line PQ is extended to the point T , such that $PQ : QT = 2 : 3$. Find the coordinates of T .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 3 (a) Selesaikan persamaan kuadratik berikut.
Solve the following quadratic equation.

$$\frac{3x + 4}{x + 2} = \frac{x + 5}{x - 2}$$

[2 markah/marks]

- (b) Lakar graf fungsi kuadratik $f(x) = -3(x - 5)^2 + p$ dengan keadaan $p < 0$.
Sketch the quadratic function graph of $f(x) = -3(x - 5)^2 + p$ such that $p < 0$.

[2 markah/marks]

- (c) Diberi bahawa α dan β ialah punca-punca bagi persamaan kuadratik $2x^2 + mx - n = 0$. Bentukkan satu persamaan kuadratik yang baharu dengan punca-punca α^2 dan β^2 .
It is given that α and β are roots of the quadratic equation $2x^2 + mx - n = 0$. Form a new quadratic equation with roots α^2 and β^2 .

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 4 Suatu jangjang aritmetik mempunyai sebutan pertama -79 dan beza sepunya 6 . Diberi bahawa bilangan sebutan positif jangjang itu adalah dua kali sebutan negatifnya.

An arithmetic progression has a first term of -79 and a common difference of 6 . It is given that the number of positive terms of the progression is twice its negative terms.

Cari

Find

- (a) jumlah sebutan jangjang tersebut,
the total number of terms in the progression,
- (b) hasil tambah sebutan-sebutan positif jangjang tersebut.
the sum of the positive terms of the progression.

[3 markah/marks]

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 5 Di sebuah taman tema, harga tiket masuk berbeza mengikut umur dengan kadar yang berlainan untuk kanak-kanak, remaja, dan dewasa. Keluarga Encik Chong melawat taman tema itu dan membeli 3 tiket kanak-kanak, 2 tiket remaja dan 1 tiket dewasa dengan jumlah harga sebanyak RM27. Keluarga Encik Fauzi membeli 4 tiket kanak-kanak, 3 tiket remaja dan 2 tiket dewasa dengan jumlah harga sebanyak RM42.50. Manakala, Encik Ravi membayar untuk keluarganya dengan membeli 1 tiket kanak-kanak dan 2 tiket dewasa dengan bayaran sejumlah RM17.

At a theme park, ticket prices vary by age with different rates for children, teens, and adults. Mr. Chong's family visited the park and bought 3 children's tickets, 2 teens' tickets and 1 adult ticket for a total price of RM27. Mr. Fauzi's family bought 4 children's tickets, 3 teens' tickets and 2 adult tickets with a total price of RM42.50. Meanwhile, Mr. Ravi paid for his family by buying 1 child ticket and 2 adult tickets for a total of RM17.

- (a) Tuliskan tiga persamaan linear untuk mewakili situasi yang diberi.

Write three linear equations to represent the given situation.

[2 markah/marks]

- (b) Seterusnya, tentukan harga sekeping tiket masuk, dalam RM, untuk setiap jenis tiket.

Hence, determine the price of an entrance ticket, in RM, for each type of tickets.

[5 markah/marks]


Jawapan/Answer:

6 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.

Solutions by scale drawing is not accepted.

Rajah 2 menunjukkan segi empat selari $ABCD$. Titik P terletak pada garis lurus AB dan titik Q terletak pada garis lurus DC . Garis lurus AQ dipanjangkan ke titik R dengan keadaan $AQ = 3QR$.

Diagram 2 shows a parallelogram $ABCD$. Point P lies on the straight line AB and point Q lies on the straight line DC . The straight line AQ is extended to point R such that $AQ = 3QR$.



Rajah 2 / Diagram 2

Diberi bahawa $AP : PB = 4 : 1$, $DQ : QC = 4 : 1$, $\overrightarrow{AP} = 8\underline{u}$ dan $\overrightarrow{AD} = \underline{v}$.

It is given that $AP : PB = 4 : 1$, $DQ : QC = 4 : 1$, $\overrightarrow{AP} = 8\underline{u}$ and $\overrightarrow{AD} = \underline{v}$.

- (a) Ungkapkan, dalam sebutan \underline{u} dan \underline{v} ,

Express, in terms of \underline{u} and \underline{v} ,

(i) \overrightarrow{AQ}

(ii) \overrightarrow{PC}

Seterusnya, tunjukkan titik-titik P , C dan R adalah segaris.

Hence, show that points P , C and R are collinear.

[3 markah/marks]

- (b) Diberi bahawa $\underline{u} = 5\underline{i}$ dan $\underline{v} = 3\underline{i} + \underline{j}$.

It is given that $\underline{u} = 5\underline{i}$ and $\underline{v} = 3\underline{i} + \underline{j}$.

- (i) Ungkapkan, \overrightarrow{PC} dalam sebutan \underline{i} dan \underline{j} .

Express \overrightarrow{PC} , in terms of \underline{i} and \underline{j} .

- (ii) Cari vektor unit dalam arah \overrightarrow{PC} .

Find the unit vector in the direction of \overrightarrow{PC} .

[4 markah/marks]


Jawapan/*Answer*:

7 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.

Solutions by scale drawing is not accepted.

Rajah 3 menunjukkan kawasan kolam ikan Encik Samad yang dikelilingi oleh empat batang tiang di kedudukan $A(p, q)$, $B(2, -4)$, $C(8, -2)$ dan $D(h, k)$. Tiang E terletak pada garis lurus AD dan berkoordinat $(4, 4)$ dengan keadaan nisbah $AE : ED = 3 : 2$.

Diagram 3 shows the area of Mr. Samad's fish pond which is surrounded by four pillars at the position of $A(p, q)$, $B(2, -4)$, $C(8, -2)$ and $D(h, k)$. Pillar E lies on the straight line AD with the coordinates of $(4, 4)$ such that the ratio of $AE : ED = 3 : 2$.



Rajah 3 / Diagram 3

(a) Sahkan $\frac{3k + 2q}{5} = 4$.

Verify that $\frac{3k + 2q}{5} = 4$.

[2 markah/marks]

(b) Diberi bahawa (p, q) ialah $(1, -1)$.

It is given that (p, q) is $(1, -1)$.

(i) Cari nilai h dan nilai k .

Find the value of h and of k .

(ii) Seterusnya, hitung luas kolam ikan Encik Samad.

Hence, calculate the area of Mr. Samad's fish pond.

[5 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Bahagian B
Section B

[30 markah]
[30 marks]

Jawab mana-mana **tiga** soalan.
*Answer any **three** questions.*

- 8** Pada jam 1200, lori P berada pada vektor kedudukan $3\mathbf{i} + 3\mathbf{j}$ di lebuh raya O . Lori P bergerak dengan halaju $(4\mathbf{i} + \mathbf{j}) \text{ km j}^{-1}$. Sejam kemudian, lori Q bergerak dari vektor kedudukan $7\mathbf{i} - 17\mathbf{j}$ dengan halaju $(4\mathbf{i} + 8\mathbf{j}) \text{ km j}^{-1}$.

At 1200 hours, lorry P is at the position vector $3\mathbf{i} + 3\mathbf{j}$ at highway O . Lorry P is travelling with velocity $(4\mathbf{i} + \mathbf{j}) \text{ km h}^{-1}$.

An hour later, lorry Q is travelling from the position vector $7\mathbf{i} - 17\mathbf{j}$ with velocity $(4\mathbf{i} + 8\mathbf{j}) \text{ km h}^{-1}$.

- (a) Ungkapkan vektor kedudukan lori P dan lori Q pada waktu t jam.

Express the position vector of lorry P and of lorry Q at time t hours.

[3 markah/marks]

- (b) Gunakan jawapan anda di (a) untuk menentukan jarak lori P dan lori Q pada jam 1500.

Use your answers in (a) to determine the distance apart of lorry P and lorry Q at 1500 hours.

[3 markah/marks]

- (c) Tentukan sama ada lori P dan lori Q akan bertemu atau tidak. Jika ya, cari vektor kedudukan dan masa titik pertemuan.

Determine whether lorry P and lorry Q will meet or not. If they do, find the position vector and the time of the meeting point.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

9 (a) Diberi $3^{2x} = a^4 2^{3x}$, tunjukkan bahawa $x = \frac{4}{\log_a \left(\frac{9}{8} \right)}$.

Given $3^{2x} = a^4 2^{3x}$, show that $x = \frac{4}{\log_a \left(\frac{9}{8} \right)}$.

[3 markah/marks]

(b) Selesaikan persamaan berikut:

Solve the following equation:

$$\frac{\log_3(5x + 6)}{\log_9(x + 2)} = 4$$

[4 markah/marks]

(c) Titik $(1 - \sqrt{5}, n)$ terletak di atas lengkung $y = \frac{10 + 2\sqrt{5}}{x^2}$. Cari nilai n dalam bentuk $a + b\sqrt{5}$, dengan keadaan a dan b ialah integer.

Point $(1 - \sqrt{5}, n)$ lies on the curve $y = \frac{10 + 2\sqrt{5}}{x^2}$. Find the value of n in the form $a + b\sqrt{5}$, such that a and b are integers.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

10 Suatu fungsi kuadratik diberi oleh $f(x) = hx^2 + kx + 18$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar mempunyai titik minimum $(2, 6)$.

A quadratic function is given by $f(x) = hx^2 + kx + 18$, such that h and k are constants has a minimum point $(2, 6)$.

(a) (i) Ungkapkan fungsi kuadratik itu dalam bentuk $f(x) = a(x + p)^2 + q$, dengan keadaan a , p dan q ialah pemalar.

Express the quadratic function in the form of $f(x) = a(x + p)^2 + q$, such that a , p and q are constants.

(ii) Seterusnya, tentukan nilai-nilai h dan k .

Hence, determine the values of h and k .

[7 markah/marks]

(b) Tentukan julat nilai x , jika $f(x) \leq 18$.

Determine the range of values of x , if $f(x) \leq 18$.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

11 Guna kertas graf untuk menyelesaikan soalan berikut.

Use the graph paper to solve this question.

Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai pemboleh ubah x dan y , yang diperolehi daripada suatu eksperimen.

Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y + \sqrt{a} = \frac{b^2}{x}$, dengan keadaan a dan b ialah pemalar.

Table 1 shows the values of two variables x and y , obtained from an experiment. The variables x and y are related by the equation $y + \sqrt{a} = \frac{b^2}{x}$, such that a and b are constants.

x	1	2	3	4	5	6
y	3.40	1.40	0.73	0.4	0.2	0.07

Jadual 1 / Table 1

- (a) Plot graf xy melawan x , dengan menggunakan skala 2 cm kepada 1 unit pada paksi- x dan 2 cm kepada 0.5 unit pada paksi- xy . Seterusnya, lukis garis lurus penyuaian terbaik,

Plot graph xy against x , using a scale of 2 cm to 1 unit on the x -axis and 2 cm to 0.5 unit on the xy -axis. Hence, draw the line of best fit.

[4 markah/marks]

- (b) Dengan menggunakan graf di 11(a),

By using the graph in 11(a),

- (i) cari nilai x apabila $y^2 = \frac{9}{x^2}$,

find the value of x when $y^2 = \frac{9}{x^2}$,


- (ii) tulis $y + \sqrt{a} = \frac{b^2}{x}$, dalam bentuk linear, seterusnya cari nilai a dan b .

write $y + \sqrt{a} = \frac{b^2}{x}$, in linear form, hence find the value of a and b .

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Graf untuk Soalan 11(a)
Graph for Question 11(a)



Bahagian C
Section C

[20 markah]
[20 marks]

Jawab **semua** soalan.
Answer any **all** questions.

- 12 Jadual 2 menunjukkan harga dan indeks harga bagi tiga jenis bahan *A*, *B* dan *C* yang digunakan dalam penghasilan sejenis bebola ketam.

Table 2 shows the prices and the price indices of three types of ingredients A, B and C used in the production of a type of crab balls.

Bahan Ingredients	Harga (RM) per kg pada tahun Price (RM) per kg for the year		Indeks harga pada tahun 2024 berasaskan tahun 2020 Price indices in the year 2024 based on the year 2020	Peratus penggunaan (%) Percentage of usage (%)
	2020	2024		
<i>A</i>	<i>y</i>	3.60	<i>x</i>	20
<i>B</i>	4.80	6.00	125	60
<i>C</i>	1.20	1.80	150	20

Jadual 2 / Table 2

- (a) Harga bahan *A* menokok sebanyak 20% dari tahun 2020 hingga tahun 2024.
The price of ingredient A is increased by 20% from the year 2020 to the year 2024.
- (i) Nyatakan nilai *x*.
State the value of x.
- (ii) Cari nilai *y*.
Find the value of y.
- [3 markah/marks]
- (b) Hitung indeks gubahan bagi kos membuat bebola ketam pada tahun 2024 berasaskan tahun 2020.
Calculate the composite index for the cost of making the crab balls for the year 2024 based on the year 2020.
- [2 markah/marks]
- (c) Diberi bahawa indeks gubahan bagi kos membuat bebola ketam meningkat sebanyak 49% dari tahun 2017 hingga tahun 2024.
It is given that the composite index for the cost of making the crab balls increased by 49% from the year 2017 to the year 2024.
- (i) Hitung indeks gubahan bagi kos membuat bebola ketam pada tahun 2020 berasaskan 2017.
Calculate the composite index for the cost of making the crab balls in the year 2020 based on the year 2017.
- (ii) Kos membuat sebiji bebola ketam ialah 50 sen dalam tahun 2017. Cari bilangan maksimum bebola ketam yang boleh dihasilkan menggunakan peruntukan sebanyak RM300 pada tahun 2024.
The cost of making a crab ball is 50 cent in the year 2017. Find the maximum number of crab balls that can be produced using an allocation of RM300 in the year 2024.
- [5 markah/marks]


Jawapan/*Answer*:

13 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.

Solutions by scale drawing is not accepted.

Rajah 4 menunjukkan sisi empat $ABCD$ dengan luas $L \text{ cm}^2$. Diberi bahawa $BC = \sqrt{p} \text{ cm}$.

Diagram 4 shows a quadrilateral $ABCD$ with an area of $L \text{ cm}^2$. It is given that $BC = \sqrt{p} \text{ cm}$.



Rajah 4 / Diagram 4

(a) Cari
Find

- (i) nilai p ,
the value of p ,
- (ii) nilai L .
the value of L .

[7 markah/marks]

(b) Lakarkan $\triangle B'D'C'$ yang mempunyai bentuk berbeza dari $\triangle BDC$, dengan keadaan $B'D' = BD$, $B'C' = BC$ dan $\angle B'D'C' = \angle BDC$. Seterusnya, nyatakan nilai bagi $\angle D'B'C'$.

Sketch $\triangle B'D'C'$ which has a different shape from $\triangle BDC$, such that $B'D' = BD$, $B'C' = BC$ and $\angle B'D'C' = \angle BDC$. Hence, state the value of $\angle D'B'C'$.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:



MALAYSIA
MADANI #KitaSelangor

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR

KATA ALUAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) merupakan antara program pendidikan unggul Kerajaan Negeri Selangor yang menyediakan kelas tambahan percuma kepada pelajar Tingkatan 5 dalam enam subjek utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Matematik Tambahan, Sains, dan Sejarah.

Bagi membolehkan para pelajar memulakan persediaan lebih awal bagi menghadapi peperiksaan SPM, kini PTRS akan disebarluaskan kepada pelajar Tingkatan 4 dalam enam subjek ini yang bakal memanfaatkan seramai 130,000 pelajar.



YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI


DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Sejak dilancarkan pada tahun 2012 dengan skala yang lebih kecil dan berlangsung secara fizikal, modul latihan PTRS telah dibangunkan secara dalam talian semenjak pandemik COVID-19 bagi memudahkan urusan para guru dan pelajar. Ini telah membolehkan seramai 271,000 pelajar memanfaatkan modul PTRS yang dapat diakses melalui aplikasi mudah alih sama ada telefon ataupun tablet.

Bagi menjayakan Program Tuisyen Rakyat Selangor tahun ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM10 juta yang akan dibiayai dan dilaksanakan secara bersama oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Modal Insan Negeri Selangor dan Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI).

Saya yakin usaha ini akan mengukuhkan kemampuan dan daya saing anak Selangor untuk berjaya dalam pencapaian akademik sebagai asas untuk masa depan yang lebih cerah serta kapasiti lebih tinggi untuk mereka bersaing dengan pekerja dari negara maju.

Sumbangan mereka pada masa hadapan amat penting untuk membolehkan negeri Selangor mencapai kemajuan mampan sebagai negeri barisan hadapan Malaysia.

 ePTRS.my

Imbas kod QR
untuk ketahui lebih
lanjut tentang MBI



Imbas kod QR
untuk mendapatkan
jawapan



Koleksi
Video PdP

